

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab keuntungan Felda Global Ventures Holdings Bhd. telah menurun dan harga sahamnya telah terjunam dari RM5.39 pada 28 Jun 2012 ke RM3.67 pada 11 September 2014, atau sebanyak 31.9% walaupun indeks KLCI telah meningkat dari 1,599 ke 1,855 pada masa yang sama.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

FGV merupakan sebuah syarikat perladangan yang mana 75% dari pendapatannya adalah dari perdagangan Minyak Sawit Mentah. Sebab utama kejatuhan harga saham FGV adalah disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan harga pasaran dunia untuk Minyak Sawit Mentah.

Kejatuhan permintaan dan harga pasaran dunia untuk Minyak Sawit Mentah pula disebabkan oleh tiga faktor utama:

Faktor Pertama:

Beberapa pasaran utama Minyak Sawit Mentah di Eropah, Amerika Syarikat dan China mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan. Permintaan yang lemah serta sentimen berterusan yang berlegar di dalam pasaran utama telah menyebabkan kelembapan permintaan untuk minyak sawit mentah di mana pada masa yang sama memberikan kesan negatif terhadap harga Minyak Sawit Mentah dunia.

Faktor Kedua:

Persaingan daripada lain-lain minyak sayuran alternative seperti minyak soya juga telah meningkat. Peningkatan kadar tuaian (bumper crop) serta harga soya yang rendah telah menyebabkan permintaan untuk minyak soya mengalami peningkatan yang

mendarak pada tahun ini. Keadaan ini telah meningkatkan permintaan terhadap eksport minyak soya kepada pasaran eksport pengguna utama minyak ini seperti China dan India seterusnya melemahkan eksport Minyak Sawit Mentah ke pasaran ini.

Faktor Ketiga:

Oleh kerana permintaan yang rendah dan juga saingan dari minyak sayuran lain seperti minyak soya, maka terkumpul stok simpanan Minyak Sawit Mentah yang banyak. Ini akan memberi tekanan negatif (downward pressure) kepada harga pasaran dunia Minyak Sawit Mentah.

Sekian. Terima kasih.